

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Khamis, 28 Ogos 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI, MALAYSIA, JULAI 2025

Indeks Volum Eksport dan Import mencatatkan kenaikan pada Julai 2025, kedua-duanya bertumbuh 15.4 peratus dan 10.3 peratus.

PUTRAJAYA, 28 OGOS 2025 – Indeks nilai seunit eksport Malaysia pada Julai 2025 mencatatkan peningkatan marginal 0.2 peratus daripada 151.2 mata pada bulan sebelumnya kepada 151.4 mata. Begitu juga, indeks nilai seunit import turut bertumbuh 0.5 peratus daripada 124.4 mata kepada 125.0 mata. Walau bagaimanapun, terma perdagangan Malaysia pula menurun 0.4 peratus bulan ke bulan daripada 121.5 mata kepada 121.1 mata pada Julai 2025, sebagaimana dipaparkan oleh laporan **INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI (2010=100), JULAI 2025** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit, indeks volum dan terma perdagangan meliputi 10 seksyen komoditi produk barangan selaras dengan Klasifikasi Standard Perdagangan Antarabangsa (SITC).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan indeks nilai seunit eksport menaik 0.2 peratus pada Julai 2025 berbanding bulan sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan oleh indeks alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+0.8%), makanan (+0.4%) dan pelbagai barang keluaran kilang (+0.3%). Disamping itu, indeks volum eksport bertambah 15.4 peratus selaras dengan kenaikan indeks barang-barang keluaran kilang (+27.7%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+15.3%) dan minyak galian (+13.5%). Indeks volum eksport pelarasan bermusim juga turut naik

20.2 peratus daripada 145.9 mata kepada 175.4 mata. Merujuk kepada perbandingan tahunan, kedua-dua indeks nilai seunit dan indeks volum eksport naik 0.8 peratus dan 6.0 peratus.

Indeks nilai seunit import bertumbuh 0.5 peratus pada Julai 2025, disumbangkan oleh kenaikan indeks minyak galian (+3.7%) dan makanan (+0.03%). Tambahan pula, indeks volum import juga turut naik 10.3 peratus pada Julai 2025 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh kenaikan dalam indeks alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+18.8%), barang-barang keluaran kilang (+8.1%) dan pelbagai barang keluaran kilang (+7.0%). Indeks volum import pelarasan bermusim turut bertambah 6.7 peratus daripada 207.8 mata kepada 221.8 mata. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan indeks nilai seunit import berkurang 4.1 peratus manakala indeks volum menaik 4.9 peratus.


Terma perdagangan Malaysia menyusut 0.4 peratus bulan ke bulan kepada 121.1 mata pada Julai 2025, didorong oleh penurunan dalam indeks minyak galian (-4.1%), bahan mentah tidak boleh dimakan (-0.6%) dan minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-0.5%). Tambahan pula, terma perdagangan Malaysia tahun ke tahun bertambah 5.1 peratus daripada 115.2 mata pada Julai tahun lalu.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.



**Carta 1: Peratus Perubahan Bulan ke Bulan bagi Indeks Nilai Seunit Eksport & Import
Januari 2023 – Julai 2025**

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

28 OGOS 2025